

PRAKTIKALITI HUBUNGAN ILMU EKOLOGI ISLAM DENGAN ILMU POLITINOMIK ISLAM KE ARAH PEMBINAAN KONSEP EKO-POLITINOMIK ISLAM

PRACTICALITY OF THE RELATIONSHIP BETWEEN ISLAMIC ECOLOGY AND ISLAMIC POLITINOMICS TOWARDS THE DEVELOPMENT OF ISLAMIC ECO-POLITINOMICS CONCEPT

Ahmad Faiz Omar Hathab¹
Mohd Syakir Mohd Rosdi²

¹Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV)Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
(E-mel: alfilfilani@gmail.com)

²Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV)Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
(E-mel: mohdsyakir@usm.my)

Article history

Received date : 1-8-2021
Revised date : 2-8-2021
Accepted date : 19-9-2021
Published date : 20-9-2021

To cite this document:

Ahmad Faiz Omar Hathab & Mohd Syakir Mohd Rosdi (2021). Praktikaliti Hubungan Ilmu Ekologi Islam Dengan Ilmu Politinomi Islam ke Arah Pembinaan Konsep Eko-Politinomi Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 147-166.

Abstrak: Perkembangan ilmu Islam masa kini lebih terkait dengan praktikaliti atau kesesuaian penggunaannya dengan realiti semasa. Sebagai contoh ilmu ekonomi dan kewangan Islam lebih dominan digunakan oleh ahli perbankan Islam. Di samping itu, ilmu politik dan kenegaraan Islam banyak dipraktikkan oleh ahli politik atau ahli pentadbiran sesebuah negara. Dalam lingkungan perbincangan berkaitan dengan ekonomi dan politik Islam, ia turut merangkumi perbincangan mengenai ekologi kerana untuk membangunkan sesebuah negara, proses pembangunan itu akan melibatkan struktur bentuk muka bumi yang merupakan habitat kepada manusia dan haiwan. Ilmu Ekologi Islam akhir-akhir ini mendapat tempat dalam kalangan ahli akademik politinomi Islam untuk membincangkannya secara bersepadu. Hasil penelitian terhadap kajian-kajian dan karya-karya mula melihat politinomi Islam sebagai elemen penting dalam memahami permasalahan utama ekologi Islam. Hal ini membawa kepada perbincangan ke arah melihat sejauh mana praktikalnya ilmu ekologi ini jika dihubungkan dengan ilmu politinomi Islam. Kajian ini berhasrat untuk menumpukan kepada hal tersebut. Untuk mencapai hasrat ini, kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian dokumen untuk memperoleh data-data sekunder dan kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasil daripada analisis tersebut menemukan ilmu ekologi Islam secara praktikal memerlukan politinomi Islam sebagai satu elemen yang akan membantu menyelesaikan permasalahan-permasalahan ekologi Islam. Selain itu, ilmu Ekologi Islam dan ilmu Politinomi Islam sebagai subsistem yang saling kuat menguatkan antara satu sama lain. Daripada dapatan kajian ini akan mengukuhkan lagi ke arah membina konsep Eko-Politinomi Islam.

Kata Kunci: Ekologi Islam, Politinomi Islam, Praktikal.

Abstract: *The development of Islamic knowledge today is more related to the practicality or suitability of its use with the current reality. For example, Islamic economics and finance are more dominantly used by Islamic bankers. In addition, the knowledge of Islamic politics and statehood is widely practiced by politicians or administration of a country. Within the scope of discussions related to Islamic economics and politics, it also includes discussions on ecology because to develop a country, the development process will involve the structure of the earth which is a habitat for humans and animals. Islamic Ecology has recently found a place among Islamic Politinomics academics to discuss it in an integrated way. The results of the past research began to see Islamic Politinomics as an important element in understanding the main problems of Islamic ecology. This leads to a discussion towards looking at the practical extent of Islamic ecology when linked to Islamic Politinomics. This study intends to focus on that. To achieve it, the study was conducted using document review method to obtain secondary data and then it will be analyzed using qualitative content analysis method. The results of the analysis found that Islamic ecology practically requires Islamic Politinomics as an element that will help to solve the problems related to ecology. In addition, Islamic Ecology and Islamic Politinomics will react as a subsystem that mutually reinforce each other. From the findings of this study, it will help to further strengthen toward the development of Islamic Eco-Politinomics Concept.*

Keyword: *Islamic Ecology, Islamic Politinomics, Practicality*

Pengenalan

Terma eko-politinomik merupakan satu terma yang terdiri daripada bidang ekologi dan bidang ekonomi politik atau diistilahkan sebagai politinomik secara bersepadu. Istilah ekonomi politik dan politinomik merupakan dua istilah yang membawa maksud yang sama. Dalam kajian ini, istilah politinomik yang akan digunakan secara meluas. Eko-politinomik merupakan kajian berkaitan dengan politik, ekonomi, faktor-faktor sosial dengan isu dan perubahan alam sekitar (Pankaj, 2016). Pankaj (2016) menjelaskan lagi bahawa bidang eko-politinomik adalah satu bidang yang kerap kali dipetik dan dibincangkan secara meluas oleh ahli-ahli akademik dalam bidang pembangunan. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Bryant (1997) yang menjelaskan perbincangan dalam bidang eko-politinomik menunjukkan satu usaha untuk memahami bagaimana berlaku interaksi antara manusia dan alam sekitar. Dengan kata lain, menurut Norhibah Hasan Zawawi (1996), pembangunan yang tidak menyeimbangkan antara penjagaan ekosistem dengan ekonomi boleh menyebabkan berlakunya kemusnahan ekologi dalam sesebuah negara. Banyak habitat dan ekosistem terpaksa dikorbankan jika usaha pembangunan negara hanya menumpukan kepada ekonomi sahaja. Hal ini terjadi kerana polisi atau sesuatu dasar pembangunan berkenaan ekonomi atau ekologi biasanya diputuskan oleh ahli politik yang dipilih sama ada melalui jalan politik demokrasi atau pun melalui jalan politik monarki. Dengan sebab itulah, kajian ini mempunyai objektif dan tujuannya untuk melihat praktikaliti hubungan ilmu ekologi Islam dan ilmu politinomik Islam untuk membina satu konsep eko-politinomik Islam sebagai satu bidang baru agar dapat membimbing para ahli politik mengenai peranan mereka dalam membangunkan pembangunan yang seimbang antara ekonomi dengan ekologi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif asas sebagai reka bentuk kajian. Kualitatif asas merupakan satu proses pertanyaan untuk memahami sesuatu masalah sosial atau manusia berdasarkan satu gambaran yang kompleks dan holistik, terbentuk daripada kata-kata yang melaporkan pandangan informan secara terperinci dan mendalam dan kajian dilaksanakan dalam keadaan semula jadi (Creswell, 2018). Hal ini dilihat sesuai sebagai reka bentuk kajian yang akan berusaha untuk memahami masalah sosial seperti isu-isu ekologi berdasarkan gambaran holistik iaitu menggunakan elemen politinomik sebagai bidang holistik yang akan melihat kesepaduan antara ekonomi, politik, dan sosial.

Tambahan lagi, kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen sebagai kaedah pengumpulan data-data sekunder. Menurut Othman Lebar (2012), data sekunder adalah data yang dikumpulkan oleh penyelidik lain untuk tujuan penyelidikan mereka yang boleh diperoleh oleh penyelidik sama ada melalui akses umum atau perundingan secara peribadi. Dengan kata lain, istilah dokumen adalah sebagai istilah payung yang merujuk kepada segala jenis bahan bertulis, visual, dan fizikal yang banyak dan relevan kepada kajian yang dijalankan penyelidik (Merriam, 2001). Kajian ini akan mengumpulkan data sekunder seperti artikel dan jurnal lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu eko-politinomik Islam untuk dianalisis kandungan.

Seterusnya, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif untuk menganalisis data-data sekunder tersebut untuk membina kerangka konsep eko-politinomik Islam. Proses analisis data merupakan proses mengatur, menstrukturkan, dan menginterpretasikan data yang telah dikumpulkan (Staruss dan Corbin, 2008). Menurut Merriam (2001), dalam reka bentuk penyelidikan kualitatif asas, satu bentuk analisis kandungan akan digunakan untuk menganalisis dokumen-dokumen yang ada. Pada asasnya menurut beliau lagi, analisis kandungan merupakan satu prosedur yang sistematik untuk menjelaskan kandungan media komunikasi. Analisis kandungan pada masa kini banyak digunakan dalam media komunikasi seperti surat khabar, televisyen dan jurnal bersiri (Othman Lebar, 2012). Oleh itu, kajian ini akan menganalisis dokumen-dokumen seperti artikel dan jurnal yang berkaitan dengan kajian ini iaitu eko-politinomik Islam.

Dapatan Kajian: Takrifan Eko-Politinomik Islam

Konsep eko-politinomik Islam dibina hasil daripada gabungan ilmu ekologi Islam dan ilmu politinomik Islam. Perkataan ekologi ataupun alam sekitar diguna pakai dalam beberapa takrifan. Antaranya dalam Bahasa Arab akar perkataan ekologi adalah **عَالَم** yang terdiri daripada huruf akar **ع ل م** yang membawa maksud alam sekitar (Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali, 2002). Menurut Hamidi Ismail (2003), alam sekitar di sini bermaksud ciptaan dan pemberian yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk memelihara daripada berlakunya kerosakan dan pencemaran alam sekitar. Hal ini kerana, menurut Norhibah Hasan Zawawi (1996), alam sekitar telah diwarisi sejak berabad dahulu, secara turun-temurun untuk dimanfaatkan oleh tamadun manusia daripada generasi kepada generasi termasuklah masyarakat yang ada di Malaysia yang mesra dengan sistem ekologi ini.

Menurut Mohd Muhiden Abd Rahman (1997), alam sekitar terdiri daripada udara, tanah dan Air. Sumber-sumber ini merupakan nikmat paling besar yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia dan juga makhluk lain ciptaannya. Sebagai contoh, udara yang bersih amat penting untuk pernafasan yang baik untuk menjamin kesihatan yang memuaskan. Begitu juga dengan

tanah yang subur penting untuk mendapat hasil pertanian yang bermutu tinggi. Seterusnya, air yang bersih pula penting untuk menampung kehidupan manusia (Norhibah Hasan Zawawi, 1999). Surtahman Kastin Hasan (2018) juga menekankan kepentingan alam sekitar dalam kehidupan kerana dapat memberi manfaat kepada manusia khususnya dalam aspek kesihatan dan dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi kepada manusia. Norhibah Hasan Zawawi (1999) berpandangan ekologi Islam sebagai sebuah sistem kehidupan yang mempunyai hubung kait antara kehidupan manusia dengan segala makhluk Allah SWT di atas muka bumi berlandaskan prinsip syariah. Ali Jumaah (2020) membahaskan ekologi Islam dengan kefahaman yang agak berbeza. Beliau tidak hanya membahaskan ekologi Islam dengan maksud segala jenis ciptaan Allah SWT di sekeliling manusia dan fenomena-fenomena alam semula jadi tetapi beliau melihat ekologi Islam sebagai diri manusia itu sendiri dan segala sesuatu yang berada di sekelilingnya.

Farahwahida Mohd Yusuf dan Mikhdar Rusdi (2015) menegaskan ekologi Islam bermaksud ciptaan Allah SWT yang cukup indah, unik, dan sempurna serta perjalanannya yang mematuhi perintah, peraturan dan prinsip yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Tambahan lagi, ekologi Islam diciptakan atas kehendak Allah SWT untuk manusia. Oleh yang demikian, menjadi tugas utama manusia untuk mentadbir dan memelihara sistem ekologi. Takrifan ekologi Islam yang lebih luas disebut oleh Muhammad Uthman El-Muhammady (2000). Sistem ekologi ini disebut beliau merupakan ciptaan Allah SWT yang menunjukkan Asma' dan sifat-sifatnya yang sempurna. Bagi orang-orang yang beriman, sistem ekologi dalam pengertian yang biasa bukan sekadar alam yang digunakan untuk tempat kediaman dan tempat mendapat bahan-bahan keperluan, bahkan ia adalah amanah Allah SWT yang perlu digunakan dengan sebaik-baiknya oleh manusia dengan kedudukannya sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi dan hambanya. Takrifan yang lebih jelas dikemukakan oleh Noor Shakirah Mat Akhir (2004), ekologi Islam merupakan suatu sistem penjagaan alam sekitar yang dikaitkan dengan landasan agama dan menekankan tiga aspek iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam.

Ilmu politinomik Islam pula bermaksud suatu bidang holistik untuk mengatasi pelbagai masalah negara dan masyarakat dan berusaha untuk menyediakan remedi terkait masalah ekonomi dan sosial umat (Nurul Fatma dan Mohd Amin, 2019). Menurut Mohd Syakir Mohd Rosdi (2010; 2013; 2014a; 2014b; 2014c; 2015a; 2015b; 2015c; 2016a; 2016b; 2017) ilmu politinomik Islam adalah sebuah bidang baru yang mula diketengahkan pada tahun 1990-an. Beliau mentakrifkan politinomik Islam ini sebagai satu ilmu yang melihat kesan antara ekonomi dengan politik atau sebaliknya kesan politik kepada ekonomi yang berpandukan *fiqh iqtishodi*, *fiqh siyasi* dan *fiqh ijtimai'e*. Selain itu, Masudul Alam Choudhury (1982; 1990a; 1990b; 1992; 1997a; 1997b) sebagai pencetus kepada bidang politinomik Islam menjelaskan politinomik Islam sebagai satu ilmu baru yang mempelajari hubungan antara kerajaan (syura) dengan sub-sistem pasaran.

Dengan kata lain, menurut Nur Kholis (2013), ekonomi dan politik Islam merupakan satu entiti yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain, saling berhubungan antara satu sama lain. Politinomik Islam merupakan bidang yang membincangkan secara mendalam isu-isu politik, ekonomi dan sosial. Dengan kata lain, ekonomi Islam tidak dapat bernyawa tanpa politik Islam dan demikian pula politik Islam tidak kuat tanpa ekonomi Islam. Tambahan lagi, menurut beliau, praktik hubungan ekonomi dan politik Islam telah mendapat perhatian banyak penelitian daripada ahli-ahli akademik seluruh dunia. Selain itu, menurut Ahmad Ubaidillah

(2018) politinomik Islam merupakan satu bidang yang berdasarkan prinsip syariah iaitu al-Quran dan Hadis sebagai dasar utama. Takrifan umum oleh beliau berkaitannya iaitu sebuah sistem politinomik yang menjadikan fungsi negara sebagai penegak hukum dan keadilan, yang akan memberikan perlindungan terhadap keyakinan, kehidupan, kekayaan, kehormatan, dan keturunan segenap masyarakat yang berada dalam kekuasaan negara tersebut. Takrifan ini mempamerkan bahawa ekonomi dan politik perlu dihubungkan antara satu sama lain. Perhubungan ini penting untuk memberikan kefahaman kepada penerimaan terhadap kerajaan, institusi sosial dan institusi syariat yang berperanan dalam perilaku kehidupan manusia. Dengan kata lain, menurut Jony Tamkin (2008), politinomik Islam bermaksud suatu yang syumul, menyeluruh, multi dimensi dan bersepadu antara aspek rohani dan kebendaan melalui pendekatan fungsi kebajikan sosial untuk mencapai kecekapan penggunaan, pengeluaran dan pengagihan pendapatan, dan kekayaan dalam Islam yang tertakluk kepada konsep maslahat dan *prinsip maqasid al-shari`ah*.

Menurut Ifdlolul Maghfur (2016), politinomik Islam secara teknikalnya lebih dikenali sebagai *siyasah maliyah*. Istilah lain juga disebut sebagai *tadakhul ad-daulah* (campur tangan negara). Istilah ini disebut beliau telah dikembangkan oleh Muhammad Baqir Ash-Shadr apabila negara (pemerintah) akan turut serta campur tangan dalam hal berkaitan kegiatan ekonomi untuk memastikan penyesuaian undang-undang Islam berkaitan pembangunan ekonomi dilaksanakan secara keseluruhan. Pihak pemerintah akan turut serta untuk memastikan kegiatan pembangunan ekonomi mengikuti dalil-dalil yang ada dalam nas al-Quran dan Hadis. Dengan kata lain, menurut Ija Suntana (2010) politinomik Islam bukan hanya bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup kehidupan dalam sesebuah negara semata-mata, malah politinomik Islam akan memastikan terjamin kehidupan setiap individu masyarakat dalam sesebuah negara tersebut.

Selain itu, Zia ulHaq (2020), mentakrifkan politinomik Islam sebagai dasar undang-undang yang dirancang oleh kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi untuk menjamin dan memenuhi keperluan masyarakat berdasarkan nilai-nilai syariat Islam. Peraturan ini merupakan undang-undang yang akan menghubungkan negara dengan masyarakat, individu dengan individu, dan individu dengan masyarakat dalam setiap kegiatan pembangunan ekonomi. Setelah meneliti takrifan oleh para pengkaji ilmu ekologi Islam dan ilmu politinomik Islam, maka kedua-dua takrifan ini dipadankan untuk membina takrifan eko-politinomik Islam. Eko-politinomik Islam di sini yang boleh difahami daripada takrifan-takrifan tersebut ialah satu ilmu yang membincangkan penjagaan alam sekitar oleh ahli politik ketika proses pembangunan sesebuah negara untuk menyeimbangkan antara pembangunan ekologi dan pembangunan ekonomi seperti saranan yang terdapat dalam sumber-sumber Islam.


Analisis Data : Praktikaliti Hubungan Konsep Ekologi Islam Dan Politinomik Islam

Kajian berkaitan ilmu eko-politinomik Islam dilihat masih belum ada yang membincangkannya, maka secara asasnya, ilmu eko-politinomik telah pun dibincangkan dalam kajian-kajian di barat secara konvensional. Cuma, menjadi lompong dalam kajian-kajian yang bersifat Islam pula apabila belum ada yang meneliti berkaitan eko-politinomik Islam. Untuk lebih mendalami mengenai eko-politinomik berasaskan Islam ini, secara jujurnya nama eko-politinomik menjadi panduan pembinaan istilah eko-politinomik Islam. Cuma, acuan dan tasawurnya dibina berasaskan inti pati sebenar daripada bidang ekologi Islam dan bidang politinomik Islam. Sebagai langkah awal untuk mengetahui lebih lanjut

berkenaan ilmu eko-politinomik Islam ini, kajian berkaitan eko-politinomik konvensional akan menjadi batu loncatan kepada kajian ini.

Eko-politinomik telah diperkenalkan secara kukuh sebagai satu bidang dominan berkaitan alam sekitar dan sumber manusia (Peter & Walker, 2005). Bidang eko-politinomik ini merangkumi tumpuan terhadap alam sekitar dan prinsip ekonomi dan prinsip politik (Blaikie dan Brookfield, 1987). Dengan kata lain, Robbins (2012) menyatakan sekiranya ingin dilihat satu bentuk pembangunan yang seimbang di antara sosial, ekologi, dan ekonomi, maka peranan pihak pemerintah sebagai kerajaan untuk membentuk satu kesedaran ekologi ke atas masyarakat dengan memperbetulkan serta mengubah dasar dalam institusi sosial, perundangan, ekonomi dan politik sesebuah negara. Tegasnya, pembentukan masyarakat yang peka terhadap persekitaran harus mengambil kira pendekatan *transvaluation* yang bersifat holistik sebegini.

Muhammad Hassan Kamali (2016) menyatakan bahawa kebanyakan aktiviti pembangunan hanya bertumpu kepada kemajuan ekonomi sehingga mengabaikan kepentingan alam sekitar dan menyebabkan berlaku impak negatif terhadap ekosistem dunia. Menurut Dasmann, Milton dan Freeman (1973) manusia dan alam sekitar tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Aktiviti kehidupan seharian manusia termasuklah di peringkat individu, masyarakat dan negara akan mempunyai perkaitan langsung kepada alam sekitar (Baumgartner, S. dan Quaas, M. F, 2009).



Rajah 1 : Elemen Eko-Politinomik Konvensional

Sumber: Munasinghe (2008)

Dengan kata lain, menurut Martens (2006) dan Newman (2005), agenda eko-politinomik mementingkan tiga elemen utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang disifatkan sebagai satu proses multidimensi. Untuk lebih jelas ia boleh dilihat dalam Rajah 1. Berdasarkan Rajah 1, hubungan elemen eko-politinomik konvensional dapat dilihat yang

terdiri daripada beberapa elemen penting saling berkait iaitu bidang ekonomi, alam sekitar dan sosial. Sesebuah pembangunan memerlukan tiga elemen tersebut sebagai asas penting kelestarian jangka masa panjang yang saling melengkapi antara satu sama lain. Elemen ekonomi lebih menjurus kepada keperluan asas/kehidupan/kejiranan, dan pertumbuhan, kecekapan dan kestabilan. Elemen politik pula dilihat menjurus ke arah penguatkuasaan, perundangan dan tadbir urus. Elemen alam sekitar akhirnya menjurus kepada pencemaran, sumber asli dan daya tahan. Chamhuri Siwar, Nasyrah Ahmad Damanhuri, Sarah Aziz dan Abdul Ghani Aziz (2011) mendapati bahawa hubungan kait antara alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi adalah sangat signifikan antara satu sama lain. Jelas bahawa pembangunan perlu mengambil kira berkenaan pemeliharaan alam sekitar. Rencana pembangunan di Malaysia tidak seharusnya hanya menekankan pertumbuhan yang tinggi semata-mata. Aspek alam sekitar dan sosial juga perlu seiring dengan pembangunan yang direncanakan. Dengan kata lain, matlamat eko-politinomik adalah bagi memastikan pembangunan ekonomi untuk kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup masyarakat, penggunaan sumber secara bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dan juga sistem ekologi berada dalam kondisi yang baik (Munasinghe, 2008). Proses ke arah pemuliharaan alam sekitar adalah seiring dengan matlamat eko-politinomik yang merangkumi konsep jangka panjang dengan mengintegrasikan isu ekonomi, sosial dan alam sekitar (Pierantoni, 2003). Jelas di sini pertumbuhan ekonomi tidak dikira berjaya tanpa mengambil kira aspek alam sekitar (Overton dan Scheyvens, 1999).

Bidang eko-politinomik konvensional sentiasa dibincangkan oleh ahli-ahli akademik sehingga ke hari ini. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Abdul Rashed Moten (2020) yang menyatakan kebimbangan terhadap perlindungan alam sekitar dan kemapanan ekonomi. Beliau menyifatkan kerosakan alam sekitar hari ini berlaku disebabkan falsafah ekonomi neo-klasikal yang menggambarkan manusia dan alam sekitar sebagai alat untuk memaksimumkan keuntungan. Hal ini dilihat amat berbeza dengan acuan dan tasawur ekologi dan politinomik Islam. Rentetan itu, kepentingan untuk menyatupadukan ketiga-tiga bidang ini dari sudut pandang Islam dalam aspek pembangunan wajar untuk memastikan sesuatu pembangunan dapat dilakukan secara holistik. Setakat penelitian menyelidik, masih tidak ada penyelidikan yang membincangkan pembangunan dengan menyatupadukan ketiga-tiga elemen ini secara sepadu iaitu elemen ekologi, ekonomi dan politik yang berteraskan Islam. Dengan kata lain, bidang eko-politinomik konvensional sudah pun ada yang membincangkannya, namun dalam bidang eko-politinomik secara Islam masih belum ada yang mengkajinya sedangkan terdapat banyak pengkaji yang membincangkan mengenai ekologi dan politinomik Islam yang dilihat dapat dipadukan dan disepadukan hubungan di antara kedua-dua bidang ini untuk membina konsep eko-politinomik Islam.

Zaini Ujang (1992) mengatakan sistem ekologi perlu mempunyai integrasi ekonomi, politik dan spiritual secara bersepadu dalam menangani kemelut ini. Menurut Nasr (1964) spiritual di sini bermaksud dengan pendekatan agama Islam yang diintegrasikan dengan alam sekitar dan politik. Dalam menghadapi kemelut alam sekitar ini, Islam sebagai agama yang menyeluruh dan sempurna mempunyai perspektif, kaedah, pendekatan, dan penyelesaiannya tersendiri (Mohd Yaseen Gada, 2014). Kaedah Islam menggunakan sains, teknologi dan falsafah Islam sebagai alternatif kepada sains dan teknologi moden Barat. Pendekatannya pula menekankan aspek harmoni dan seimbang terhadap unsur-unsur alam sekitar (Nasr, 1976).

Menurut Agus Firdaus Chandra (2016, sebagai agama yang membawa rahmat kepada sekalian alam, Islam tidak hanya peduli bagaimana umat manusia menyembah Allah SWT (*ibadah*), dan menjalin hubungan di antara manusia (*muamalah*) tetapi Islam juga melindungi dan memelihara sistem ekologi di sekelilingnya sebagai tujuan utama hukum Islam (*maqasid syariah*). Nasr (1993) mengatakan bahawa pada hari ini dunia Islam tidak sepenuhnya mempunyai konsep Islam. Menurut Zaini Ujang (1992) hal ini kerana kebanyakan konsep Islam tersebut telah digantikan dengan falsafah, ideologi dan amalan kebudayaan, saintifik dan teknologi Barat. Oleh yang demikian krisis ekologi dilihat makin meluas. Mohd Zuhdi Marzuki dan Amer Saifude Ghazali (2002) mengatakan seharusnya difahami krisis ekopolitinomik yang sedang berlaku sebenarnya berakar umbi daripada falsafah hidup barat yang tidak sesuai. Falsafah Barat hanya memfokuskan kekuasaan secara terus kepada pemerintah secara total. Pemerintah berhak berbuat apa keputusan demi memanfaatkan keuntungan dan kebendaan yang berlandaskan nafsu semata-mata.

Dengan kata lain, Muhammad Syukri Salleh (2003), mengatakan hal ini dilihat penting diberikan perhatian agar keghairahan nafsu untuk mengumpul harta kekayaan tidak mengabaikan amanah yang perlu ditunaikan kepada masyarakat sepenuhnya. Oleh itu, Muhammad Syukri Salleh (2003) telah memberi kewajaran penerimaan falsafah Islam dan mengabaikan sebarang falsafah barat yang memberi kekuasaan mutlak kepada pemerintah tanpa menggariskan sebarang falsafah, prinsip dan matlamat untuk mengawalinya. Muhammad Syukri Salleh (2003) menggariskan falsafah Islam dalam pelaksanaan pembangunan termasuklah pelaksanaan eko-politiinomik perlu berdasarkan falsafah tauhid. Falsafah tauhid tersebut adalah berkaitan tiga perkara utama iaitu pertama, Allah SWT merupakan Pencipta. Kedua, manusia merupakan makhluk dan hamba Allah SWT. Ketiga, sumber alam juga merupakan makhluk yang sama seperti manusia.

Dari sudut pandang yang lain pula, Masudul Alam Choudhury (1986) berpendapat falsafah konvensional dilihat hanya bermatlamatkan keuntungan semata-mata. Perkara ini juga disebut oleh Mansoor Merican (1982) terdapat tiga kecenderungan falsafah konvensional iaitu kebendaan, kecekapan dan pemasaran. Kesemua ini dilihat hanya memfokuskan keuntungan semata-mata. Ia sebenarnya adalah berkaitan teori dan nilai-nilai yang ada dalam falsafah konvensional. Berbeza dengan Islam, Islam meletakkan asas bagi falsafah ialah aspek tauhid yang melibatkan hubungan antara manusia dengan Tuhan, dan manusia dengan manusia, serta hubungan manusia dengan alam sekitar (Khursid Ahmed, 1979). Menurut Masudul Alam Choudhury (1986) falsafah Islam yang berpaksikan kepada aspek tauhid tersebut dilihat lebih bersifat komprehensif dan menyeluruh dalam menyelesaikan isu-isu eko-politinomik.

Oleh sebab itu, penyelesaian krisis eko-politinomik hari ini bukanlah penyelesaian bersifat teknikal semata-mata tetapi memerlukan kepada penyelesaian yang bersifat falsafah. Hal ini yang menyebabkan penyelesaian Islam merupakan penyelesaian paling baik yang mempunyai aspek falsafah yang paling harmoni iaitu aspek tauhid. Aspek tauhid ini pula dapat diaplikasikan dengan akal yang sempurna. Manusia ialah makhluk Allah SWT yang paling sempurna kerana dibekalkan dengan akal dan diberikan tugas sebagai khalifah di bumi (Katiman, 2002). Peranan khalifah tersebut pula dinyatakan prinsip-prinsipnya oleh Zainal Abidin Ahmad (1977) yang meletakkan setiap khalifah mempunyai empat prinsip yang perlu diamalkan dalam diri sebagai ketua pemerintah iaitu pertama, melaksana keadilan. Kedua, menegak kebenaran dan menghapuskan kemungkar. Ketiga, merealisasikan syariat. Keempat, mewujudkan sistem masyarakat yang aman.

Khalifah di bumi Allah SWT adalah antara konsep Islam menurut al-Quran yang dihasilkan oleh Mikdar Rusli (2010). Dengan kata lain, menurut Mohd Nor Mamat (2002) oleh sebab manusia sebagai pemimpin mempunyai kesanggupan untuk memikul tanggungjawab yang berat, maka manusia diserahkan amanah untuk mengatur alam ini. Oleh sebab demikian, segala hal yang berlaku dalam alam ini, termasuklah bersifat pembangunan penerokaan kerosakan pencemaran mahupun pemuliharaan semuanya dikembalikan pada manusia. Mikdar Rusli (2010) mengatakan keutuhan alam sekitar sangat bergantung kepada kebijakan manusia dalam mengendalikan bumi ini baik daripada segi peringkat individu, masyarakat mahupun peringkat negara dan antarabangsa. Akhir-akhir ini, terdapat desakan untuk mengetahui punca kemerosotan dan kerosakan alam sekitar semakin kompleks. Ditemui penurunan kualiti alam semula jadi daripada air bersih udara yang segar tanah bunyi dan lain-lain. Kesemua punca ini menurut Hazura Abu Bakar dan Sharifah Norhaidah Syed Idrus (2007) merupakan realiti yang jelas bahawa manusia semakin rakus mengeksploitasi sumber alam semata-mata untuk mencapai matlamat kemewahan hidup. Kemusnahan alam sekitar diakibatkan oleh pelbagai pihak yang berkaitan dengan sektor ekonomi, politik dan sosial (Mashitoh Yaakob, 2000). Oleh sebab itu, Mikdar Rusli (2010) berpendapat perkara ini hanya dapat diselesaikan dengan pengalaman tiga falsafah utama yang merupakan tujuan penciptaan manusia iaitu beribadat kepada Allah SWT (*al-ubudiyah*), sebagai khalifah Allah SWT dan memakmurkan bumi Allah SWT (M, Quraish Shihab, 2005).

Islam sebenarnya telah menggariskan berkaitan falsafah alam sekitar dalam al-Quran. Dengan kata lain, menurut Nasr (1993) dalam falsafah Islam, Allah SWT itu merupakan alam sekitar yang muktamad (*Ultimate enviroment*), yang melingkungi dan mengelilingi manusia. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran, Allah SWT disebutkan sebagai Maha Meliputi (muhit) sebagaimana firman Allah SWT dalam Al-Quran yang bermaksud :

“Kepunyaan Allah SWT lah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi, dan merupakan pengetahuan Allah SWT yang Maha Meliputi (Muhit) segala sesuatu”

(Surah An-Nisa 4:126)

Menurut Chittick (1986) istilah muhit ini juga bermaksud alam sekitar. Oleh yang demikian secara jelasnya menurut Nasr (1993) manusia sebagai pemimpin dalam konteks eko-politonomik Islam sebenarnya telah tenggelam dalam sifat muhit Allah SWT dan mereka hanya tidak menyedari keadaan kini disebabkan sifat lupa dan lalai yang disebabkan dosa bagi jiwa manusia. Dengan kata lain, menurut Nasr (1968), kehancuran alam sekitar juga berlaku apabila manusia sebagai pemimpin mula memisahkan alam sekitar daripada unsur tauhid iaitu unsur ketuhanan. Manusia sebagai pembuat dasar selaku ketua sesebuah negara mula merasai diri memiliki bumi ini dan dapat melaksana apa sahaja kemahuan diri mengikut lunas nafsu. Dalam masa sama menurut Zahari Mahad Musa (2010) krisis alam sekitar yang dihadapi masa kini juga berpunca daripada tindakan manusia yang menodai alam sekitar secara berlebihan. Oleh yang demikian Mohd Zuhdi Marzuki dan Amer Saifude Ghazali (2002) berpendapat elemen agama memainkan peranan penting ke arah mengatasi krisis alam sekitar yang dihadapi manusia kini.

Elemen agama atau dalam bahasa arab *al-deen* menurut Islam mencakupi kesemua perkara dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, menurut Sharifah Hayati al-Qudsy. (2008) Islam bukan sekadar mengatur hubungan manusia dengan tuhan melalui hubungan ritual tetapi

merupakan manhaj *al-hayah* atau sistem kehidupan yang lengkap. Sebagai sistem yang lengkap ini, Islam mengatur hubungan manusia dengan alam sekitar selain daripada mengatur hubungan manusia dengan penciptanya. Islam meletakkan manusia sebagai khalifah (pemimpin) Allah SWT di atas muka bumi. Dengan kata lain, menurut Farhat Naseem Alvi dan Afshan Noreen (2013) peranan khalifah Allah SWT di atas muka bumi sebagai pelaku pembangunan yang perlu bertanggungjawab atas sesuatu yang terjadi.

Falsafah kekhalifahan dan kepimpinan ini disertakan dengan falsafah perhambaan (*al-ubudiyah*) terhadap Allah SWT. Manusia dalam konteks eko-politinomik Islam sebagai pemimpin ialah hamba Allah SWT juga. Oleh itu, sebagai seorang hamba hendaklah seorang pemimpin itu patuh dan taat akan perintah suruhan dan larangan Allah SWT. Tambahan lagi, menurut Osman Bakar (1989) sebagai khalifah Allah SWT pula, manusia sebagai pemimpin mesti aktif dalam memakmurkan bumi dengan pembangunan ekonomi dan mengekalkan keharmonian alam sekitar dengan memupuk rasa kasih sayang terhadap sistem ekologi yang ada di atas muka bumi.

Dengan kata lain, pembuat dasar seperti pihak kerajaan tidak boleh mengabaikan alam sekitar kerana telah mengambil janji dengan Allah SWT merupakan satu falsafah kepercayaan iaitu (*al-amanah*) daripada Allah SWT. Bumi sentiasa dirosakkan apabila pemimpin mula mengabaikan falsafah amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka. Masa depan bumi banyak bergantung kepada sikap manusia terhadap alam sekitar. Sikap pula ditentukan oleh tasawur atau pandangan hidup manusia (Surtahman Kastin Hasasn dan Abd Ghafar Ismail, 1997). Oleh demikian sikap tersebut perlu diberi perhatian untuk mengetahui punca-punca yang mengakibatkan berlaku kemusnahan alam sekitar. Ziauddin Sardar (1993) berpendapat hanya pada Islam yang mempunyai penyelesaian kepada segala masalah kehidupan termasuklah masalah alam sekitar. Islam mempunyai konsep yang bersifat komprehensif tersendiri berkaitan eko-politinomik. Ziauddin Sardar (1993) menegaskan berkaitan falsafah tauhid sebagai batu asas Islam.

Zaini Ujang (1992) mengatakan alam sekitar di dalam Islam dilihat berasaskan ajaran tauhid iaitu kefahaman yang menghubungkan manusia, tuhan dengan alam. Menurut Muhammad Hafiz Azizan dan Nabsiah Abdul Wahid, (2012) agama Islam menjadikan tauhid sebagai teras hubungan antara manusia, tuhan dengan alam. Dengan fahaman ini, menurut Joni Tamkin Borhan (2008) manusia sebagai pemimpin dalam konteks eko-politinomik Islam menjalankan peranannya sebagai makhluk Allah SWT berasaskan dua teras prinsip Islam iaitu adil dan takwa. Menurut Harun Nasution (1998), tauhid iaitu menyerlah keesaan tuhan dengan mengaku bahawa hanya wujud satu yang maha pencipta yang mutlak. Sebagai falsafah dalam Islam, tauhid memperjelaskan tentang penerimaan bahawa Allah SWT sebagai satu-satunya sumber sebarang nilai. Dengan itu penafian boleh membawa kepada syirik yang merupakan dosa besar dalam Islam (Osman Bakar, 2008). Maka, falsafah tauhid adalah sebagai acuan terhadap pemikiran dan perlakuan pemimpin dalam konteks eko-politinomik Islam. Ia akan menyerap masuk sebagai falsafah yang akan memandu pemimpin dalam kehidupan seharian termasuklah hal keagamaan, politik, alam sekitar dan ekonomi.

Daripada elemen tauhid yang disebut oleh Ziauddin Sardar (1993) muncul pula elemen khalifah dan amanah. Dengan kata lain, menurut Mohd Nor Mamat (2002) keseluruhan falsafah eko-politinomik dalam Al-Quran adalah berdasarkan elemen khalifah. Tambahan lagi, elemen ilmu juga disebut penting oleh karya Ziauddin Sardar (1993). Hal ini kerana

menurut Hamidullah, M (1979) ilmu yang akan memandu manusia selaku pemimpin dalam konteks eko-politinomik Islam sesebuah negara untuk mengenal pasti tentang hak dan batil sesuatu perkara sebelum membuat keputusan. Dengan kata lain, apabila manusia sebagai pemimpin tidak mengenal yang mana hak dan yang mana batil dalam melaksanakan eko-politinomik dalam sesebuah negara, maka, ia akan mengakibatkan kerosakan ekologi dan mengakibatkan kesan terhadap pembangunan ekonomi (Syarifuffin, 2006).

Syarifuffin (2006), mendapati eksploitasi ekologi terjadi akibat sinergi ilmu di antara bidang ekologi dan politinomik tidak dilaksanakan. Perkara ini boleh berlaku kerana menurut Carson (1962) pemikiran dan pembangunan dalam dunia baru moden ini hanya memfokuskan keuntungan kebendaan semata-mata tanpa menghiraukan kesan negatif kepada alam sekitar. Pemodenan zaman ini pula tidak menyertakan prinsip-prinsip yang baik malah pemodenan hanya memfokuskan pengeluaran demi mencapai keuntungan semata-mata (Fadhil Othman, 1996). Tambahan lagi, menurut Jasiman Ahmad (2003) perkara utama yang difokuskan hanyalah dari sudut perkembangan ekonomi, indeks pembangunan, indeks kebahagiaan, pendapatan per kapita, hutang nasional, baki akaun bank, bangunan pencakar langit, lebuhraya antara bukit, dan empangan air yang besar. Dengan memfokuskan perkara-perkara berikut pemodenan telah membawa kepada pemikiran sekular yang memisahkan kehidupan seharian dengan pengamalan agama (Syed Naquib al-Attas, 2019).

Zaini Ujang (1992) menegaskan keuntungan itu pula dihitung daripada segi kebendaan semata-mata iaitu dengan membezakan antara jumlah pendapatan dengan perbelanjaan. Keuntungan atau kerugian yang bersifat bukan kebendaan tidak diambil kira, misalnya keseimbangan alam sekitar dan nilai masyarakat. Akibatnya, eksploitasi terhadap sumber alam secara berleluasa tidak dikira sebagai satu kerugian, walaupun ketidakseimbangan alam sekitar berlaku selepasnya (Carson, 1962). Hubungan seperti ini pula memerlukan peranan agama untuk mengurangkan kerosakan ekologi dan pencapaian sasaran pembangunan ekonomi oleh sesebuah kerajaan. Sehubungan itu, Syarifuddin (2006) mengatakan ekologi dan politinomik perlu dilihat sebagai dua bidang yang harus dirangka melalui konsep Islam kerana Islam merupakan agama kerahmatan. Kerosakan ekologi pada hari ini disebabkan bidang eko-politinomik tidak diterajui dengan mendahulukan prinsip al-mizan iaitu keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan penjagaan alam sekitar.

Azizan Ramli (2010) berpandangan keperluan untuk menguruskan sistem ekologi dengan menggunakan pendekatan prinsip perundangan Islam iaitu menggunakan elemen *maqasid syariah*. Azizan Ramli (2010) mengatakan terdapat dua jenis prinsip yang dapat diguna pakai untuk mengurangkan eko-politinomik iaitu prinsip melaksanakan sesuatu yang mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan prinsip menjauhkan sesuatu daripada kerosakan (*mafsadah*). Dengan kata lain, menurut Islam telah meletakkan matlamat perundangan Islam (*maqasid syariah*) untuk mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menjauhkan kerosakan (*mafsadah*) dalam kehidupan manusia.

Kefahaman terhadap perkara ini penting terutamanya kepada perancang dan pembuat dasar kerajaan. Seperkara lagi, selaku pemimpin yang melaksanakan dasar, penting juga untuk memahami kaedah membuat keputusan iaitu dengan kaedah mengaplikasikan fikah keutamaan (*Fiqh al-Aulawiyat*) (Fahmi Abdul Khir, 2010). Secara ringkas fikah ini akan memandu manusia untuk mendahulukan perkara *dharuriyat* ke atas perkara *hajiyyat* dan *tahsiniyat*. Seterusnya, melakukan pertimbangan dan perbandingan antara perkara kebaikan.

Menurut Azizan Ramli (2010), fikah keutamaan merupakan panduan asas yang berkait rapat dengan pelaksanaan polisi dan dasar yang melibatkan pembangunan ekonomi dan negara bagi mendapat keseimbangan alam sekitar dan kehendak manusia. Hal ini kerana menurut Yusuf al-Qaradawi (2010) dalam konteks eko-politinomik Islam, keredaan Allah SWT (*mardatillah*) sebagai matlamat utama manusia sebagai pemimpin hanyalah akan dicapai apabila pemimpin tersebut berjaya mengaplikasikan hukum hakam yang terdapat dalam al-Quran ke dalam pelaksanaan kehidupan seharian sebagai seorang hamba dan Khalifah Allah SWT. Hal ini dilihat berbeza dengan konsep eko-politinomik konvensional yang hanyalah terhad kepada matlamat kepuasan kebendaan atas nama persendirian dan sosial (masyarakat), tanpa melihat kepada kesejahteraan kerohanian (individu dan masyarakat) (Surathman Kartin Hasan, 2015). Dengan kata lain, menurut Muhsin Abdul Hamid (1998) punca utama kegagalan eko-politinomik konvensional terletak pada matlamatnya yang hanya memfokuskan daripada segi kebendaan semata-mata.

Oleh demikian, Surathman Kartin Hasan (2015) berpandangan setiap kegiatan manusia termasuklah kegiatan eko-politinomik wajib bermatlamatkan ke arah pencapaian *al-falah* iaitu merupakan matlamat yang komprehensif meliputi kebajikan di dunia dan akhirat juga kebajikan persendirian dan masyarakat. M. N Siddiqui (1970) juga mempunyai pendapat yang sama berkaitan matlamat akhir sesuatu perkara. M. N Siddiqui (1970) mengatakan *al-falah* tidak seharusnya ditafsirkan sama dengan istilah kebajikan seperti yang difahami eko-politinomik konvensional kini. Hal ini kerana kebajikan dalam eko-politinomik konvensional semata-mata merujuk kepada keadilan kebendaan sosial di dunia semata-mata, manakala *al-falah* merujuk kepada kesejahteraan di dunia dan di akhirat (M. N Siddiqui, 1970).

Dengan kata lain, menurut Nor Azzah Kamri (2002) secara lengkapnya, *al-falah* di sini bermaksud selamat dan kekal dalam kesenangan, kenikmatan, kebaikan dan kesejahteraan yang merujuk kepada dunia dan akhirat. Afandi Hassan (1992) juga berpendapat bahawa matlamat akhir sesuatu pembangunan dan pengurusan termasuklah eko-politinomik Islam perlu bermatlamatkan *al-falah* iaitu mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Konsep *al-falah* ini disebut beliau perlu diterapkan dalam segenap aspek pembangunan ekonomi dan pengurusan ekologi dan ia perlu dijadikan sebagai matlamat utama. Dengan kata lain, menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), konsep *al-falah* itu sendiri akan membantu memberikan kesan terhadap pengislahan ummah yang menjadi faktor utama dalam mengembalikan keseimbangan pembangunan dunia dan akhirat. Hasilnya, menurut Hasiyah Mat Salleh (2010), seluruh manusia dan alam akan sama-sama menikmati kesejahteraan, keamanan, dan kemakmuran daripada pengaplikasian konsep *al-falah* tersebut.

Fadzila Azni Ahmad (2016) pula mempunyai pandangan yang berbeza apabila mengatakan dengan pencapaian *Mardatillah* atau keredaan Allah SWT sahajalah manusia akan dikurniakan *al-Falah* iaitu kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dengan kata lain, manusia perlu mencapai keredaan Allah SWT dahulu untuk mendapatkan *al-falah* yang merupakan kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Fadzila Azni Ahmad (2016) mengatakan sesuatu pembangunan termasuklah eko-politinomik Islam tidak boleh dikira berjaya sekiranya tidak berjaya mencapai matlamat keredaan Allah SWT sekalipun dapat menghasilkan keuntungan berlipat kali ganda dari sudut pembangunan ekonomi dan melahirkan tamadun lahiriah yang moden dan canggih.


Hal ini kerana, secara hakikatnya hanya dengan mendapat keredaan Allah SWT sahajalah manusia akan memperoleh ganjaran kebaikan di akhirat kelak. Dengan kata lain, Muhammad Syukri Salleh (2003) mengatakan hal ini lah yang merupakan kejayaan sebenar pelaksanaan pembangunan termasuklah eko-politinomik Islam dalam erti kata yang sebenar. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), aktiviti pembangunan ekonomi merupakan salah satu cara mengabdikan atau beribadah kepada Allah SWT. Tambahan lagi, pembangunan yang berteraskan Islam merupakan pembangunan yang bergabung antara dua bentuk pembangunan iaitu pembangunan material dan pembangunan kerohanian. Ia pula perlu dilaksanakan menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), matlamat pembangunan berteraskan Islam termasuklah eko-politinomik Islam ialah untuk mendapat keredaan Allah SWT atau disebut sebagai *mardatillah* dalam bahasa Arab. Menurut Muhammad Ahmad Rashid (2005), hal ini termasuklah pelaksanaan konsep eko-politinomik Islam juga sebagai satu kaedah yang seharusnya bermatlamatkan keredaan Allah SWT. Tambahan lagi, menurut beliau, sesuatu pembangunan tidak boleh dikira sebagai berjaya apabila tidak mendapat keredaan Allah SWT. Oleh yang demikian, Muhammad Syukri Salleh (2003) menetapkan *Mardatillah* sebagai matlamat utama dan akhir sesuatu pembangunan. Fathi Yakan (2005) juga mempunyai pandangan yang sama. Fathi Yakan (2005) berpendapat manusia selaku pemimpin yang menganut agama Islam perlu menganggap dunia sebagai medan perlumbaan untuk melaksanakan bentuk ketaatan supaya berjaya mencapai keredaan Allah SWT. Dengan kata lain, Fathi Yakan (2005) mengemukakan bahawa keseluruhan hidup manusia, baik ilmu, perniagaan, harta, pengurusan, pembangunan, harta, rumah tangga, masa, dan fikiran kesemuanya digunakan untuk mencapai tujuan tersebut. Mohd Sulaiman Yasin (1986) pula berpandangan maqam keredaan Allah SWT ini lebih tinggi nilainya daripada segala kebahagiaan yang kekal abadi termasuklah perkara-perkara kebendaan yang bersifat duniawi. Hal ini kerana menurut Panel Akademi Pengurusan YAPEIM (2001), keredaan Allah SWT merupakan prinsip kebahagiaan dan kemuliaan yang tertinggi sebagai satu kemenangan untuk penemuan menuju Allah SWT.

Mohd Shukri Hanapi (2014) juga berpandangan *al-falah* hanya akan tercapai setelah mendapat keredaan Allah SWT. Mohd Shukri Hanapi (2014) berpandangan keredaan Allah SWT lebih besar daripada segala nikmat lain seperti nikmat syurga yang mengalir di bawah sungai-sungai dan tempat-tempat yang indah di dalam Syurga. Menurut al-Zuhayli (1991) dan Ibn Hajar (1989), keredaan Allah SWT itulah merupakan sebab seseorang hamba mendapat kejayaan dan kebahagiaan yang disebut sebagai *al-falah*. Mohd Shukri Hanapi (2014) mengatakan kebahagiaan yang diperoleh melalui keredaan Allah SWT yang disebut sebagai kebahagiaan rohani atau *ma'nawiyah* lebih utama dan mulia daripada kebahagiaan jasmani atau *mahsusat* yang tidak mendapat keredaan Allah SWT. Hamka (1999) juga menegaskan semua nikmat yang berbentuk *mahsusah* (berbentuk fizikal) itu tidak mempunyai sebarang erti jika tidak disertai dengan nikmat *ma'nawiyah* (keredaan Allah SWT) ini. Oleh yang demikian, Mohd Shukri Hanapi (2014) menegaskan untuk meletakkan keredaan Allah SWT itu sebagai matlamat utama dan akhir sesebuah pembangunan termasuklah eko-politinomik Islam. Pembangunan termasuklah eko-politinomik Islam pula dilihat sebagai alat dan wasilah untuk mencapai matlamat keredaan Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Rumusan Pembinaan Konsep Eko-Politinomik Islam

Islam sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan hadis adalah sempurna dan meliputi pelbagai dimensi termasuklah dimensi rohani, moral, pemikiran, pendidikan, jihad, sosial, ekonomi dan politik (Yusuf al-Qaradawi, 2002). Islam dilihat sebagai agama yang mempunyai keseluruhan yang utuh dalam membentuk sistem yang terdiri daripada subsistem yang saling mempunyai perkaitan dan bertujuan mencapai tujuan tertentu. Menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali (2004), untuk mengenali Islam pula harus dalam bentuk keseluruhan dan bukan dalam bahagian-bahagian yang terpecah. Hal ini jelas menunjukkan betapa perbincangan dalam Islam amat mementingkan pembangunan daripada aspek sosiopolitik dan sosioekonomi dalam menggalakkan perkembangan masyarakat yang lebih sempurna. Oleh sebab itulah, konsep eko-politinomik Islam ini dilihat penting dalam memastikan perkara ini bertepatan dengan kehendak syariat Islam.



Rajah 2: Kerangka Konsep Eko-Politinomik Islam

Sebagai rumusan, Rajah 2 menunjukkan keseluruhan daripada perbincangan kajian ini. Ia telah terbina secara konseptual merangkumi tiga perkara iaitu falsafah, prinsip dan matlamat pembinaan konsep eko-politinomik Islam. Peringkat falsafah, terdapat empat elemen yang dibincangkan iaitu tauhid, khalifah, amanah dan ubudiyah. Di peringkat prinsip pula, terdapat enam prinsip iaitu prinsip *al-mizan* iaitu keseimbangan, *amar makruf nahi munkar*, keadilan, *mafsadah* iaitu mencegah keburukan dan *maslahah* iaitu melaksanakan kebaikan dan takwa. Seterusnya peringkat akhir iaitu peringkat matlamat terdapat dua matlamat utama iaitu matlamat *mardatillah* (keredaa Allah SWT) dan matlamat *al-falah* iaitu mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat kelak. Ketiga-tiga perkara ini akhirnya akan membawa kepada rumusan pembinaan konsep eko-politinomik Islam.

Penghargaan

Pengkaji ingin berterima kasih kepada Pihak Universiti Sains Malaysia (USM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana memberikan kepercayaan untuk memikul tanggungjawab melaksanakan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bertemakan Model Eko-Politinomik Islam dengan rujukan KPT FRGS/1/2018/SSI12/USM/02/1 dan no rujukan USM 203/CISDEV/671711. Pengkaji juga ingin berterima kasih kepada pihak USM dan KPT atas sokongan dan dorongan bagi penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Rashed Moten. (2020). *Spirituality and Sustainability : Experience Of The Internaitonal Islamic University Malaysia*. IIUM Press. Kuala Lumpur.
- Agus Firdaus Chandra. (2016). Hadis-Hadis Ekologi Dalam Konteks Perindustrian Di Indonesia. *Jurnal Ilmiah Syari'ah, Vol 15. No 1*.
- Ahmad Ubaidillah. (2018). Ekonomi Politik Islam: Pendekatan Maqashid Al-Shari'ah. *Jurnal Ekonomi Volume 3, Nomor 2. Hlm. 244-258*.
- Ali Jumaah. (2020). *Alam Sekitar Dan Pemeliharaannya Dari Perspektif Islam*. ABIM Press. Kuala Lumpur.
- Amer Saifude Ghazali. (2000). Etika Alam Sekitar dan Pembangunan Manusia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Alam, Manusia dan Pembangunan di Malaysia: Dasar, Strategi dan Kelestariannya*. Bangi: Jabatan Geografi FSKK Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Andrew Jackson dan Julie M Jackson. (1997). *Enviromental Sciences : The Natural Enviroment and Human*. Ms 35-40. Longman. London.
- Azizan Ramli. (2010). *Membudayakan Minda Lestari dalam Pengurusan Alam Sekitar*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP). Kuantan. Pahang.
- Baumgärtner, Stefan and Quaas, Martin. (2009). What Is Sustainability Economics? *Working Paper Series in Economics. No. 138*. University of Lüneburg. Germany.
- Blaikie, P.M. and Brookfield, H. (1987). *Land degradation and society*. London and New York: Methuen.
- Bryant Raymond L. (1998). Power, Knowledge and Political Ecology in the third world: A Review. *Progress in Physical Geogaphy 22,1 pp 79-94*.
- Bryant, R.L. and Bailey, S. (1997). *Third world political ecology*. London. Routledge.
- Carson, R. (1962). *Silent Spring*. Houghton Mifflin. United States.
- Chamhuri Siwar, Nasyrah Ahmad Damanhuri, Sarah Aziz dan Abdul Ghani Aziz. (2011). Rancangan Pembangunan Malaysia: Isu Tukar-Ganti (Trade-Off) Antara Pertumbuhan Dengan Kelestarian. *IJMS 18 (Special Issue) Hlm 7-33*.

- Choudhury, M. A. et al. (1997). *Islamic Political Economy In Capitalist-Globalization*. Universiti Sains Malaysia: Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd dan International Project on Islamic Political Economy (IPIPE).
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory* (3rd ed.). Sage Publication Inc. Thousand Oaks. California.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design* (5th ed.; H. Salmon, Ed.). Los Angeles: SAGE Publications Inc.
- Fadhil Othman (1996). *Permasalahan Alam Sekitar*. DBP-UTM. Kuala Lumpur.
- Fadzila Azni Ahmad. (2016). *Konsep Pengurusan Institusi Pembangunan berteraskan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Fahmi Abdul Khir. (2010). *Fiqh Aulawiyat, Konsep Serta Aplikasi Masakini. Kertas Kerja Seminar Fiqh Al-Awlawiyat(Keutamaan) dalam mendepani Isu Semasa Umat Islam*. Auditorium Intim. Masjid Sultan Azlan Shah. Ipoh. Perak.
- Farahwahida Mohd Yusof dan Mikdar Rusdi. (2015). *Tafsir Maudhu'iy Pemuliharaan Alam Sekitar*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Farhat Naseem Alvi dan Afshan Noureen. (2013). Understanding Ecology Issues and Finding their Islamic Solution. *Jurnal AL-ADWA Vol 40. No.28*.
- Fathi Yakan. (2005). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Pustaka Salam. Kuala Lumpur.
- Hamidi Ismail dan Tuan Pah Rokiah Syed Hussain. (2001). *Pengurusan Alam Sekitar dan Permasalahannya di Malaysia*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok. Kedah.
- Hamidullah, M. (1979). *Introduction to Islam*. MWH London Publisher. London.
- Hamka (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah). (1999). *Tafsir Al-Azhar*. Jil 4. Pustaka Nasional Pte Ltd. Singapura.
- Harun Nasution. (1998). *Teologi Islam*. UI-Press. Jakarta. Indonesia.
- Hasih Mat Salleh (2010). *Keagungan Tamadun Islam, Satu Model Terbaik Dalam Konteks Pembinaan Tamadun Dunia Kini*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hazura Abu Bakar dan Sharifah Norhaidah Syed Idros. (2007). Pemeliharaan alam tabii bersumberkan pengetahuan Islam. *Jurnal Pendidikan Sains 7(1),31-45*.
- Hazura Abu Bakar dan Sharifah Norhaidah Syed Idros. (2007). Pemeliharaan alam tabii bersumberkan pengetahuan Islam. *Jurnal Pendidikan Sains 7(1),31-45*.
- Ibn Hajar, Abi al-Fadl Ahmad Bin Ali Bin Muhammad Bin Hajar al-Asqalaniy. (1989). *Fath al-Bariy Syarh Sahih al-Bukhariy*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Beirut. Lubnan.
- Ifdholul Maghfur. (2016). Peran Politik Ekonomi Islam dalam Melaksanakan Globalisasi Masyarakat Ekonomi Asean (MEA). *Jurnal Hukum Islam, Vol. 14, No.2*.
- James B Greenberg and Thomas K Park. (1994). *Political Ecology*. *Jurnal of Political Ecology Vol 1*. University of Arizona.Tucson.United States.
- Jasiman Ahmad, (2003) *Pencemaran Alam Sekitar*. Jade Green Publication Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Joni Tamkin Borhan. (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin, Vol 27. Pg 93-107*.
- Kamali, M, H. (2016). Islam and Sustainable Development. *Journal Of Civilisational Review. 7 (11),8-26*.
- Katiman Rostam. (2002). *Prinsip Asas Persekitaran Manusia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bangi. Selangor.
- Khursid Ahmad. (1979). *Economic Development in a Islamic Framework*. Islamic Foundation. United Kingdom.

- M, Quraish Shihab. (2005). *Dia Di Mana-Mana: Tangan Tuhan Di Sebalik Setiap Fenomena*. Lentera Hati. Jakarta. Indonesia.
- Mansoor Merican. (1982). *Dasar Ilmu Politik*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Martens, P. (2006). Sustainability: Science or fiction? *Sustainability: Science, Practice, & Policy*, 2, 36–41.
- Mashitoh Yaakob. (2000). Pembangunan, Pemandaran Dan Masalah Persekitaran Dalam Konteks Pembangunan Berterusan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, No 1.
- Masudul Alam Choudhury (1982). "Principles of Islamic economics", dlm. *Islamic Studies*, No. 21, Vol. 2, hlm. 89-107.
- Masudul Alam Choudhury (1990a). "Islamic economics as a social science" dlm. *International Journal of Social Economics*, Vol. 17, No. 6, hal. 35-59.
- Masudul Alam Choudhury (1990b). "Price, value and social equilibrium in ethic-economics", dlm. *Journal of the Social Sciences*, Vol. 18, No. 1, hal. 268-79. 68 Review of Islamic Economics, No. 13, 2003.
- Masudul Alam Choudhury (1992). *The principles of Islamic political economy: a methodological enquiry*. London: Macmillan Press Ltd. & New York, NY: St. Martin's.
- Masudul Alam Choudhury (1997a). *Money in Islam: a study in Islamic political economy*. USA dan Canada: Routledge International Studies in Money and Banking.
- Masudul Alam Choudhury (1997b). "Theory and practice of islamic political economy", in Masudul Alam Choudhury, Abdad, M.Z. & Muhammad Syukri Salleh (ed.) *Islamic Political Economy in Capitalist-Globalization, An Agenda for Change*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications In Education*. Jossey-Bass. San Francisco.
- Mikdar Rusdi. (2010). *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Al-Quran*. Penerbit Universiti Tun Husein Onn Malaysia. (UTHM). Batu Pahat. Johor.
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *The Tawhid Approach in Management and Public Administration*. INTAN. Kuala Lumpur.
- Mohd Hafiz Azizan dan Nabsiah Abdul Wahid. (2012). A Proposed Model For Enviromental Stewardship. *Procedia-Social and Behavioral Sciences Vol 65 Pg 587-592*.
- Mohd Muhiden Abd Rahman (1997). Kebersihan Alam Sekitar Mengikut Perspektif Islam, *Jurnal Usuluddin Vol. 6*.
- Mohd Nor Mamat. (2002). Prinsip Dan Etika Islam Dalam Pemuliharaan Alam Sekitar. *Jurnal Tasawwur Islam. 5: 71-81*.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali (2004). *Sains Politik Islam*. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). *Tasawur Islam dan Pembangunan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2010). *Dr. Burhanuddin al-Helmi dan pembangunan ekonomi politik Islam di Malaysia*. Disertasi Sarjana yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2013). *Ekonomi politik Islam: teori dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014a). *Mencari ekonomi holistik: antara ekonomi Islam dan ekonomi politik Islam*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Internasional Pembangunan Islam I (KIPI-I). Universitas Jember, Indonesia.

- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014b). *Tahaluf siyasi dalam ekonomi politik Islam: satu kajian teoretis*. Tesis Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2015a). "Conceptualization of Islamic political economy", dlm. *American International Journal of Social Science*, Vol. 4, No. 4, Ogos.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2015b). "*Tahaluf siyasi dalam ekonomi politik Islam*", dlm. *Ekonomika: Jurnal Paradigma Islam Di Bidang Keuangan, Ekonomi dan Pembangunan*, Vol. 3, No.1.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2015c). "Ummah economic remedy: between Islamic economics and Islamic political economy", dlm. *Journal of Business Management & Economics*, [S.l.], Vol. 4, No. 01.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2016). "Pemikiran tahaluf siyasi parti Islam semalaysia (PAS) dan implikasinya terhadap pembangunan negara", dlm. *Jurnal Sains Humanika*, Vol. 8, No. 2.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2014). *Tahaluf Siyasi dalam Ekonomi Politik Islam: Satu Kajian Teoretis*. Tesis Doktor Falsafah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Yaseen Gada. (2014). *Environmental Ethics in Islam: Principles and Perspectives*. *World Journal of Islamic History and Civilization*, Vol 4. No 4. Pg 130-138.
- Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali. (2002). *Etika Alam Sekitar*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhamad Sulaiman Yasin. (1986). *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Institute of Engineers Singapore. Singapura.
- Muhammad Ahmad Rashid. (2005). *Al-Munthalaq. Terjemahan. Titik Tolak. Landasan Gerak Para Aktivis Dakwah*. Robbini Press. Jakarta. Indonesia
- Muhammad Nejatullah Siddiqui. (1970). *Some Aspec of The Islamic Economics*. Islamic Publication Ltd. Lahore. Pakistan.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Zebra Editions dan Penang: Islamic Development Management Project (IDMP), Universiti Sains Malaysia. Kuala Lumpur.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2000). *Islam dan Alam Sekitar*. Dlm *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*. IKIM. Kuala Lumpur.
- Muhammad Zia Ulhaq. (2020). *Politik Ekonomi Islam Era Globalisasi*. *AMAL: Journal of Islamic Economic And Business (JIEB) Vol. 02, No. 02*.
- Muhsin Abdul Hamid. (1998). *Islam dan Pembangunan Sosial*. International Institute of Islamic Thought (IIIT). Petaling Jaya. Selangor.
- Munasinghe, M. (2008). *The sustainomics trans_diciplinary metaframework for making development more sustainable: Application to energy issues*. *International Journal of Sustainable Development*, 4, 6–54.
- Newman, L. (2005). *Uncertainty, innovation, and dynamic sustainable development*. *Sustainability: Science, Practice, & Policy*, 1, 25–31.
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2004). *Rohani Manusia dan Alam Sekitar dari Perspektif Islam*. *Jurnal IKIM 12 (2)*.
- Nor Azzah Kamri. (2002). *Nilai dan Etika Pengurusan Islam*. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Norhibah Hasan Zawawi. (1999). *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*, Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Nur Kholis. (2013). Pengaruh Politik Dalam Perkembangan Praktik Ekonomi Islam Di Indonesia. *Millah Vol. XIII, No. 1*.
- Nurul Fatma dan Mohd Amin. (2019). Politik Ekonomi Islam: Analisis Kebijakan Pembangunan Ekonomi Dan Penentuan Anggaran Belanja Negara. *Proceedings of Annual Conference for Muslim Scholars*, 3(1), 401-412.
- Osman Bakar. (2008). *Tawhid and Science Islamic Perspectives on Religion and Science*. Arah Pendidikan Sdn. Bhd. Shah Alam. Selangor.
- Othman Lebar. (2012). *Kajian kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Overton, J., & Scheyvens, R. (Eds.), (1999). *Strategies for sustainable development: Experience from the Pacific*. London: Zed Books.
- Pankaj. (2016). Political Ecology. *International Journal of Research and Scientific Innovation (IJRSI) /Volume III, Issue IX*.
- Pierantoni, I. (2003). *A few remarks on methodological aspect related to sustainable development* (Mesyuarat berkenaan "Accounting Framework to Measure Sustainable Development" 14-16 May). Paris.
- Raymond Dasmann, John Milton dan Peter Freeman. (1973). *Prinsip Ekologi untuk Pembangunan Ekologi*. Penerbit P.T Gramedia. Jakarta. Indonesia.
- Robbins Paul. (2012). *Political Ecology: A Critical Introduction*. 2nd ed. Blackwell Publishing. New Jersey. United States
- Seyyed Hosein Nasr (1968). "Science and civilization in Islam". UK. Harvard University Press.
- Seyyed Hosein Nasr. (1993). Islam dan Krisis Alam Sekitar. *Dlm Islam dan Alam Sekitar*. Zaini Ujang, Seyyed Hosein Nasr dan Ziauddin Sardar. Institut Kajian Dasar. Kuala Lumpur.
- Seyyed Hossein Nasr. (1964). *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*. Thames and Hudson. Britain.
- Seyyed Hossein Nasr. (1968). *Man and Nature: The Spiritual Crisis in Modern Man*. Unwin Paperbacks. London.
- Seyyed Hossein Nasr. (1976). *Islamic Study: An Illustrated Study*. Islamic Festival. London.
- Sharifah Hayati Al-Qudsy. (2008). Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu, No 19. Hlm. 187-207*.
- Suntana, Ija. (2010). *Politik Ekonomi Islam (Siyasah Maliyah) Teori-Teori Pengelolaan Sumber Daya Alam, Hukum Pengairan Islam dan Undang-Undang Sumber Daya Air Di Indonesia*. Bandung. Pustaka Setia.
- Surathman Kartin Hasan. (2015). *Ekonomi Islam Peranan Perintah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Surtahman Kastin Hasan dan Abdul Ghafar Ismail. (1997). *Alam Sekitar: Permasalahan dan Pengawalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Surtahman Kastin Hasan. (2018). *Ekonomi Islam, Pembangunan dan Alam Sekitar*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Syarifuddin. (2006). Korelasi Antara Ekonomi Dan Ekologi Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Al-Syir'ah Vol. 4 No. 2*.
- W.C. Chittick. (1986). *God Surrounds All Things: An Islamic Perspective on The Environment*. The World and I. Vol 1. No 6. Pg 671-678.
- Wahbah Al-Zuhayli. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah aw al-Manhaj*. Jil 1. Dar al-Fikr al-Mu'asir. Beirut. Lubnan.

- Walker, P.A. (2005) "Political ecology: Where is the ecology" *Progress in Human Geography* 29: 73-82.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam; Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Yusof Al-Qaradawi. (2010). *Fiqh Jihad: Sebuah Karya Monumental Terlengkap Tentang Jihad Menurut Al-Qur'an dan Sunnah*. Pustaka Mizan. Bandung. Indonesia.
- Yusuf Al-Qaradawi. (2002). *Ijtihad Dalam Syariat Islam: Beberapa Analisis Tentang Ijtihad Semasa*. Crescent News Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Zahari Mahad Musa. (2010). *Fiqh Al-Bi'ah: Prinsip Interaksi Manusia Dengan Alam Persekitaran*. *Jurnal Syariah Vol 18. No 1*.
- Zainal Abidin Ahmad. (1977). *Ilmu Politik Islam*. Bulan Bintang. Jakarta. Indonesia.
- Zaini Ujang. (1998). *Prinsip Ekologi Islam. Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM. Kuala Lumpur.
- Zaini Ujang. (2009). *Minda Lestari Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Penerbit Univesiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Ziauddin Sardar. (1993). *Teori Islam Tantang Alam Sekitar. Dlm Islam dan Alam Sekitar*. Zaini Ujang, Seyyed Hosein Nasr dan Ziauddin Sardar. Institut Kajian Dasar. Kuala Lumpur.
- Ziaudin Sardar. (1993). *Rekayasa Masa Depan Peradaban Muslim*. Mizan. Indonesia